❤PENANG

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

16 - 30 NOVEMBER, 2024

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# MPKK aset berharga





KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakamkan gambar kenangan seusai Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPKK Daerah Timur Laut dan Barat Daya di sini baru-baru ini.

**BARISAN MPKK dilantik tidak melepaskan peluang merakam gambar bersama-sama Ketua Menteri.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Barisan anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) memainkan peranan yang amat penting sebagai perantara antara rakyat dengan Kerajaan Negeri dalam menyalurkan sebarang hebahan.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa barisan MPKK merupakan aset berharga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Selain menjadi penggerak utama dalam mengukuhkan perpaduan, peranan MPKK juga adalah untuk memperkasa rakyat dengan meningkatkan penyertaan awam sebagaimana digariskan dalam Tema C di bawah Visi Penang2030," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPKK Daerah Timur Laut dan Barat Daya di Dewan Sri Pinang pada 3 Oktober 2024.

Menurut Kon Yeow, program-program anjuran MPKK telah merapatkan ukhuwah antara rakyat dan anggota pentadbiran negeri sebagai sebuah keluarga, khususnya (program-program) ketika bulan Ramadan, musim-musim perayaan, sambutan atau keraian lain (di kawasan masing-masing) hasil kerja keras barisan MPKK sekalian.

"Bukan itu sahaja, ketika negeri dilanda ujian atau krisis seperti gangguan bekalan air, banjir, kebakaran dan sebagainya, MPKK sentiasa menjadi barisan paling hadapan menyalurkan bantuan dan membantu rakyat yang memerlukan.

"Malah, tidak keterlaluan untuk saya katakan bahawa peranan yang dilaksanakan oleh barisan anggota MPKK menjadi salah satu punca utama pengurusan bencana di negeri ini teratur dan efisien," katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada semua anggota MPKK berkaitan.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi mahu penglibatan generasi muda sebagai sebahagian anggota MPKK dititikberatkan.

"Ini adalah untuk mendorong usaha melahirkan komuniti yang mampan, berakhlak dan berilmu dengan membentuk sebuah komuniti yang beridentiti serta berkualiti," zahirnya yang berharap semua ahli MPKK yang dilantik dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid ketika menyampaikan ucapan alu-aluan memaklumkan bahawa penyerahan watikah pelantikan hari ini melibatkan 151 MPKK iaitu 92 MPKK daerah Timur Laut dan Barat Daya (59).

"Keseluruhan (pelantikan) bagi negeri Pulau Pinang untuk penggal 2024 sehingga 2028 adalah seramai 375 MPKK.

"Tahniah saya ucapkan kepada semua anggota MPKK yang terpilih, saya harap setiap anggota MPKK dapat memahami objektif penubuhan MPKK.

"(Dan) pada masa sama, mengetahui secara jelas hala tuju institusi MPKK di bawah seliaan masing-masing agar peranan dan tugas yang diamanahkan dilaksanakan selari dengan dasar Kerajaan Negeri," katanya yang juga Exco Perpaduan Masyarakat.

Hadir sama, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol dan ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Zulkifli Long; Pegawai Daerah Timur Laut, Dato' Rosli Halim dan Pegawai Daerah Barat Daya, Hafiz Aswad Nadzri antara yang turut serta dalam majlis tersebut.

# Kebajikan rakyat terus terbela

**PERMATANG BERANGAN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM12,975,000 untuk bayaran elaun kepada keseluruhan 375 anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di seluruh negeri pada tahun ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa jumlah itu meliputi kadar elaun tetap pengerusi sebanyak RM700, elaun tetap setiausaha (RM600) dan elaun tetap bendahari (RM300).

Beliau berkata elaun pengurusan mesyuarat pula adalah sebanyak RM100 manakala elaun kehadiran mesyuarat berjumlah RM100 bagi 12 kali mesyuarat setahun.

"Pemberian elaun ini membuktikan keprihatinan dan penghargaan Kerajaan Negeri terhadap usaha gigih anggota MPKK dalam menyalurkan dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat.

"Selain itu, ia juga untuk memastikan kebajikan rakyat terus terbela di tengah-tengah cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPKK Peringkat Daerah Seberang Perai di sini 10 Oktober lalu.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Pegawai Penyelaras Khas (PPK) Kerajaan Perpaduan Negeri Pulau Pinang.



DR. Mohamad Abdul Hamid.

## APA KATA MPKK DILANTIK?



**SHAHRUM KAMIS** ketika ditemui memanjatkan kesyukuran kerana masih diberikan kepercayaan untuk menerajui MPKK Mayang Pasir sebagai Pengerusi.

"Alhamdulillah, saya telah bersama-sama MPKK Mayang Pasir hampir 12 tahun dan pernah berkhidmat di bawah tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak sebelum ini.

"(Dan) dengan pelantikan terbaharu ini, saya akan terus berkhidmat selama dua penggal lagi di bawah YB Fahmi Zainol (ADUN Pantai Jerejak yang juga Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi)," katanya.

Bercakap mengenai cabaran dan perancangan masa hadapan, Shahrum berkata, paling utama adalah hasrat untuk membangunkan semula kawasan perumahan bertingkat di Mayang Pasir.

"Sama seperti projek (pembaharuan semula bandar) di Mahsuri, kami juga berhasrat agar flat di Mayang Pasir dapat dibangunkan semula memandangkan flat ini dalam keadaan uzur.

"Isu tekanan air yang dihadapi penduduk di kawasan tersebut juga menjadi salah satu agenda utama MPKK Mayang Pasir selain melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan projek infrastruktur yang dirancang di bawah MPKK kami.

"Jika bercakap tentang cabaran, paling kritikal adalah ketika pandemik (yang mana) sebagai barisan hadapan, kami menjadi orang pertama yang menghulurkan bantuan.

"Bukan itu sahaja, kawasan di Mayang Pasir juga pernah dilanda banjir besar sebelum ini, hampir 700 buah rumah terjejas dan rosak teruk akibat bencana tersebut.

"(Dan) kami anggota MPKK membantu YB kawasan serta Kerajaan Negeri membuat taksiran kerugian dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa," katanya lagi.



**AHMAD AFZAL MOHAMAD**, beliau turut bersyukur atas pelantikan tersebut dan akan terus menyumbang khidmat kepada masyarakat di kawasannya.

"Pada masa kini, projek kemasyarakatan yang tengah diusahakan adalah untuk menyewa sebidang tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) agar dapat dibangunkan sebagai kawasan pertanian urban.

"Setiap dua atau tiga bulan sekali, MPKK akan turun padang membersihkan kawasan masjid selain menjalankan gotong-royong komuniti.

"(Dan) kalau boleh dipertimbang supaya pelantikan anggota MPKK ini sama penggalnya dengan tempoh pemilihan ADUN, lima tahun sekali dan bukannya dua tahun sekali," ujarnya yang telah lapan tahun menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi MPKK Kampung Herriot, Pulau Tikus.

**ZULKIFLI YUSOFF**, pula berkata bahawa sejak memegang amanah sebagai Pengerusi MPKK Pulau Aman pada tahun 2022, banyak usaha dijalankan sehingga Pulau Aman berjaya dipilih sebagai salah satu Kampung Angkat Madani.

Beliau berkata, sebanyak lapan projek pembangunan infrastruktur dan bukan infrastruktur telah diluluskan untuk kawasan Pulau Aman bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke pulau yang kaya dengan tinggalan sejarah itu.

"Alhamdulillah, sebelum ini kita sudah dapat jeti baharu yang lebih selesa untuk kegunaan penduduk setempat serta pelancong.

"Cuma masalah yang dihadapi kini adalah ruang parkir di hadapan Jeti Batu Musang yang agak terhad sehingga menyukarkan pelancong untuk meletakkan kenderaan.

"Jadi kami mohon sekiranya tanah kosong yang terletak bersebelahan kawasan parkir boleh dibuka untuk dijadikan parkir tambahan bagi memudahkan pelancong yang datang ke Pulau Aman," ujarnya.

Zulkifli berkata, Pulau Aman telah mengalami pembangunan yang pesat sejak 10 tahun lalu dan kini lebih dikenali berdasarkan kemasukan jumlah



pelancong yang semakin meningkat.

"Saya berharap agar selepas projek yang telah dirancang ini berjaya disiapkan, maka lebih ramai lagi pelancong akan datang ke Pulau Aman kelak," katanya.

*(Sambungan di muka 14).*

# Disiplin, kerjasama pasukan julang LPNPP JOHAN KAWAD



PERGERAKAN kemas dan berdisiplin telah melayakkan kontinjen LPNPP muncul sebagai johan kawad kaki bagi Kategori Sektor Awam sempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

LEMBAGA Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dipilih sebagai johan kawad kaki bagi Kategori Sektor Awam sempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, LPNPP yang tampil segak dengan mengenakan busana tradisional Melayu bertemakan warna Jalur Gemilang turut memenangi tempat kedua pakaian terbaik bagi Kategori Sektor Awam pada sambutan yang berlangsung dekat Padang Kota Lama, 31 Ogos lalu.

Kemenangan tersebut telah melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 berserta piala pusingan dan piala iringan bagi acara kawad kaki, manakala RM2,000 bagi pakaian terbaik.

Pemangku Pengurus Besar LPNPP, **FAKHURRAZI IBNU OMAR** berkata bahawa latihan berterusan selama sebulan oleh 54 peserta yang terlibat dalam latihan sangat berbaloi apabila telah dinobatkan sebagai pemenang bagi kedua-dua kategori berkenaan.

"Tahun lepas, kami kurang bertuah kerana busana yang dikenakan tidak mewakili tema hari kebangsaan, jadi pada tahun ini kami cuba lakukan penambahbaikan dalam beberapa perkara termasuk koreografi dan pakaian.

"Kami juga menjalani latihan setiap hari pada waktu petang selama hampir sebulan," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di pejabat beliau dekat Komtar pada 27 September lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Penguatkuasaan dan Perundangan LPNPP, Nadzifah Abd. Rahim yang turut menjadi tulang belakang kepada kejayaan kontinjen kawad kaki LPNPP.

Fakhurrazi menyatakan bahawa pada tahun ini kontinjen LPNPP menggunakan khidmat jurulatih daripada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memperkemaskan pergerakan serta membentuk disiplin pasukan.

"Pada kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Koperal Sahadan Kamaruddin dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Timur Laut yang bertindak sebagai fasilitator bagi kontinjen LPNPP.

"Jika dilihat kepada julat umur peserta adalah terdiri daripada 30 hingga 40 tahun, jadi mereka dilihat lebih mudah menerima setiap arahan yang diberikan oleh jurulatih.

"Di samping itu, kami juga mempunyai kakitangan dalam kalangan pesara tentera yang turut bertindak memberikan nasihat serta tunjuk ajar berkaitan disiplin kawad.

"Sebagai ketua jabatan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan pengurus besar, Puan 'Ainul Fadhilah Samsudi kerana telah meluluskan konsep pelepasan latihan bagi para peserta pada tahun ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Fakhurrazi menegaskan bahawa LPNPP mementingkan disiplin serta komitmen yang merupakan sifat penting bagi setiap kakitangan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di negeri ini.

"Kami amat menitikberatkan disiplin dan kerjasama yang mana jika ada peserta yang kurang menunjukkan komitmen, kami akan gugurkan mereka daripada peserta perbarisan.

"Hal ini penting kerana selain LPNPP merupakan agensi yang selalu berurusan dengan masyarakat, dan pada masa sama kami juga mahu membanggakan agensi yang melatih kami," jelasnya lanjut.

Mengulas mengenai pemilihan pakaian yang diperagakan, beliau memberitahu bahawa tema dan warna yang ditetapkan adalah disyorkan oleh setiap ketua unit yang kemudiannya diluluskan dalam satu mesyuarat.

"Pada tahun ini, kami mengambil inspirasi daripada warna-warna bendera Malaysia yang diterjemahkan dengan busana tradisional berwarna kuning seakan-akan raja bagi ketua kontinjen dan pemegang plakad.

"Selain itu, kami juga memilih warna putih bagi tiga pemegang bendera dan busana biru serta merah yang dilengkapi selempang berwarna kuning untuk peserta kawad yang lain.

*(Sambungan di muka 15).*




**FAKHURRAZI Ibnu Omar (kanan sekali) bersama-sama Nadzifah Abd. Rahim (tengah) dan Ketua Bahagian Pembangunan Eksekutif Pentadbiran, Syahrul Izwan Ayob menunjukkan trofi dan hadiah kemenangan yang diterima oleh kontinjen LPNPP.**

# SJKT Sungai Ara,

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **M. TANUSHALINI**




**T. Vinod (dua dari kiri) bersama-sama S.Manjula (kiri sekali), M. Kalaivani (kanan sekali) dan beberapa pelajar menunjukkan sijil pengiktirafan diterima.**

**SALAH** satu sekolah Tamil tertua di Pulau Pinang iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sungai Ara merupakan antara 92 sekolah rendah yang dilengkapi dengan kemudahan *MakerLab*.

Menariknya, walaupun SJKT Sungai Ara mempunyai jumlah pelajar yang agak kecil, namun impian yang besar serta keazaman tinggi disulami sokongan warga pendidik yang berdedikasi telah menjadikannya antara sekolah contoh di negeri ini.

Lari dari kelaziman kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) tradisional, Guru Besar, **T. VINOD** ketika ditemui berkata bahawa sekolah terbabit secara proaktif menerapkan pembaharuan antaranya dengan membangunkan *MakerLab* di sekolah.

"*MakerLab* merupakan makmal yang dilengkapi dengan pelbagai perisian, perkakasan dan bahan pembelajaran terkini.

"Ia membolehkan proses pembelajaran di sekolah ini mengaplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menyeluruh dan sistematik.

"Pada masa sama, dapat memperhebat usaha bagi meningkatkan minat para pelajar untuk menceburi bidang berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), selaras dengan Dasar Pendidikan Digital Negara ketika ini.



**S. Manjula antara guru yang menjadi tulang belakang dalam pembelajaran STEM.**



**M. Kalaivani turut secara aktif menyertai projek inovasi pendidikan.**

"Kemudahan *MakerLab* yang terdapat di sekolah ini sejak bulan Oktober tahun lalu juga secara tidak langsung telah meningkatkan kadar kehadiran dalam kalangan pelajar.

"Malah, minat pelajar terhadap mata pelajaran STEM turut menunjukkan perkembangan positif seiring dengan pelbagai inisiatif pembudayaan dan pembangunan yang dilaksanakan pada peringkat sekolah.

"Selain itu, dengan adanya *MakerLab* ini, para pelajar juga lebih bersemangat untuk menghadiri kelas robotik, dron serta pengekodan *Scratch* walaupun diadakan selepas waktu persekolahan di sekolah," ujarnya ketika ditemu bual baru-baru ini.




**ANTARA pengiktirafan yang diterima hasil penglibatan dalam aktiviti berasaskan STEM baru-baru ini.**

Tidak hanya itu, selain menggalakkan para pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti berasaskan STEM, Vinod memaklumkan bahawa pihak sekolah juga memberi peluang kepada para guru untuk turut mempamerkan kepakaran mereka.

"Ada di antara guru-guru di sekolah ini yang menyertai Projek Inovasi Pendidikan Digital STEM Pulau Pinang 2024 (PesInPro 2) yang mana mereka mencipta *'Aquaponic with Microcontroller System'* dan mendapat tempat keempat.

"Jadi, bukan sahaja para pelajar tetapi warga pendidik di sekolah ini juga diberi galakan untuk menzahirkan potensi bagi memastikan kami (SJKT Sungai Ara) mempunyai guru yang kompeten untuk membimbing pelajar dan pelajar yang berdaya cipta," katanya.

Bercakap mengenai penyertaan pelajar dalam pertandingan berasaskan STEM, Vinod berkongsi pengalaman 40 pelajarnya yang terlibat dalam projek *'Basic AC to DC Converter'* semasa Pameran Sains Pulau Pinang sebelum ini.

"Mereka telah mengikuti bengkel selama dua bulan yang dikendalikan oleh ibu bapa dan pensyarah bersara yang membantu menyediakan pembentangan projek berkenaan.

"(Dan) ia merupakan pencapaian yang signifikan kerana mereka dapat menyampaikannya dengan penuh berkeyakinan dalam bahasa Inggeris," ulasnya.

Tambah beliau, bengkel yang dilaksanakan tersebut telah ditaja oleh Inari Amerton Berhad.

"Baru-baru ini juga, pelajar SJKT Sungai Ara menyertai Karnival STEM Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM).

*(Sambungan di muka 5).*

**PROJEK *'Colour Our Walls'* merupakan salah satu usaha menceriakan persekitaran sekolah termasuk pintu masuk ke SJKT Sungai Ara.**



*(Sambungan dari muka 4).*

# punyai impian besar keazaman tinggi




**SUASANA *Maker Lab* di SJKT Sungai Ara.**



**TONG drum yang digunakan untuk menadah air hujan bagi kegunaan berkebun.**

"Pada karnival ini, SJKT Sungai Ara layak ke pertandingan separuh akhir dalam *'Robot Battle'* dan ke peringkat akhir dalam *'Talent Show'*.

"Mereka juga mengambil bahagian dalam pertandingan mereka cipta *'Water Rocket', 'Bridge Building'* dan *'Innovators for Tomorrow'*.

"Tahun lalu, SJKT Sungai Ara menjadi johan dalam pertandingan *'Water Rocket'* antara sekolah-sekolah Tamil bagi peringkat negeri, yang membolehkan kami ke peringkat kebangsaan selepasnya," cerita Vinod sambil tersenyum bangga dengan kejayaan yang dikecapi oleh para pelajar dan guru sekolah terbabit.

Selain mewujudkan suasana P&P yang kondusif, Vinod memberitahu bahawa pihaknya juga berhasrat menjadikan SJKT Sungai Ara sebagai sebuah sekolah lestari yang mesra alam semula jadi.

"Pihak sekolah juga menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi mewujudkan suasana sekolah yang menyeronokkan serta kondusif.

"Malah, kita (sekolah) juga mempunyai 17 objektif di bawah Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dalam usaha mendidik para pelajar menjaga alam sekitar.

"Di sekolah ini, penggunaan plastik tidak dibenarkan dan jika para pelajar menjumpai sebarang jenis plastik, mereka telah diajar untuk mengumpul bagi proses kitar semula.

"Aktiviti berkebun turut diadakan yang mana sekolah ini mempunyai pokok pisang dan pokok bunga yang ditanam sendiri oleh para pelajar dan guru di sekolah ini," jelasnya yang meletakkan harapan agar amalan baik yang dilaksanakan kini dapat diterapkan dan menjadi ikutan pada masa hadapan.



**ANTARA tanaman yang ditanam oleh guru dan pelajar di kawasan sekolah.**



# NTIC perkukuh minat pelabur



KETUA Menteri bersama-sama pasukan NCIA merakam gambar kenangan di luar bangunan NTIC baru-baru ini.

**PUSAT** Inovasi Teknologi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) atau *NCER Technology Innovation Center* (NTIC) di negeri Pulau Pinang hampir siap pada tahap pemajuan 97 peratus setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), **MOHAMAD HARIS KADER SULTAN** berkata bahawa projek tersebut kini mencapai 97 peratus tahap pemajuan dan dijangka beroperasi pada bulan Disember tahun ini.

Beliau memberitahu perkara itu dalam sesi temu ramah bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** di tapak bangunan pemajuan NTIC seluas kira-kira 23,000 kaki persegi dekat Hilir Sungai Kluang 2, Bayan Lepas pada 20 September 2024.

"NTIC dekat Bayan Lepas berada pada landasan yang betul untuk disiapkan sepenuhnya menjelang bulan November (2024)," jelasnya kepada Buletin Mutiara sesuai menerima lawatan kerja 'pasukan' Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada hari berkaitan.

Dengan kekuatan infrastruktur pelaburan yang telah tersedia di negeri ini, Mohamad Haris menyatakan bahawa NTIC mampu menjadi hab teknologi terkemuka dengan tujuan yang jelas iaitu memperkukuh kluster industri, menyepadu nilai rantaian bekalan serta memupuk budaya inovasi dan teknologi maju.

"Tumpuan kami (NTIC) pada lima sektor utama iaitu Elektrik dan Elektronik (E&E), Jentera dan Peralatan (M&E), kelengkapan dan peranti perubatan, aeroangkasa dan teknologi pertanian," ujarnya.

Dalam sesi temu bincang bersama-sama Kon Yeow, Mohamad Haris turut memuji negeri Pulau Pinang kerana mempunyai ekosistem pelaburan dan teras ekonomi yang mantap ketika ini.



MOHAMAD Haris Kader Sultan.

"Negeri (Pulau Pinang) ini telah membangunkan ekosistem yang begitu kukuh dan berdaya saing.

"Kami (NCIA) menerima banyak maklum balas positif serta (penyataan) minat bakal pelabur semasa misi perdagangan kami," ulasnya.

Bercerita lanjut, Mohamad Haris memberitahu bahawa NTIC yang bakal beroperasi tidak lama lagi akan mengetengahkan beberapa inisiatif utama termasuk Program Meister Teknologi Lanjutan (ATMP), Pembekal Pusat Kecemerlangan (CoEP), Pengguna Pusat Kecemerlangan (CoEU) dan platform Teknologi & Inovasi (T&I).

Serentak pada majlis sama, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata pentadbirannya menyambut baik usaha agensi Persekutuan tersebut dalam memperkukuh teras ekonomi dan pelaburan di negeri Pulau Pinang.

Menurut beliau, kelak NTIC akan memainkan peranan sebagai pusat mempromosi serta menyokong aktiviti pelaburan bernilai tinggi termasuk pembangunan produk, reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan (R&D), teknologi maju, inovasi, penciptaan harta intelek (IP), pengkomersialan dan pembangunan bakat.

"Inisiatif ini berpotensi menjana peluang pekerjaan baharu yang bernilai tinggi," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan seusai mengikuti taklimat berkaitan NTIC.

Dalam perkembangan berasingan di Komtar pada 19 Ogos lepas, Kon Yeow menyaksikan tiga firma E&E yang terlibat aktif dalam program di bawah NTIC Pulau Pinang menerima sijil apresiasi daripada NCIA sendiri.

Wakil syarikat *Western Digital*, *Estek Automation* dan *Aemulus* masing-masing menerima sijil apresiasi daripada Ketua Pegawai Operasi NCIA, Hasri Hasan.

Semasa berucap, Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya senantiasa memberi sokongan kepada usaha memperluas program berkaitan di bawah NTIC sekitar Pulau Pinang.

"Menerusi sokongan daripada syarikat-syarikat besar, inisiatif (NTIC) ini juga bakal menyokong pembangunan bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan (sektor pekerjaan) dan pertumbuhan ekosistem industri bernilai tinggi," ujarnya dalam majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa dalam tempoh separuh pertama tahun 2024 (Q2 2024) menyaksikan sejumlah 16 syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan Pulau Pinang telah dipermudah cara melalui geran padanan di bawah NTIC dengan tujuan meningkatkan nilai rantaian bekalan.

Tambah beliau, geran padanan kepada 16 syarikat PKS tersebut di bawah NTIC menerusi CoE dan T&I.

Menyentuh mengenai prestasi pelaburan negeri pula, Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang berjaya merekodkan aliran masuk pelaburan berjumlah RM71.9 bilion pada tahun 2023 yang mana rekod tertinggi negara.

"Menerusi kerjasama antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan NCIA, negeri (Pulau Pinang) berjaya merealisasikan (aliran masuk) pelaburan (dan) hampir 5,000 peluang pekerjaan (baharu) berjaya diwujudkan enam bulan pertama tahun (2024) ini," jelasnya sambil menyatakan keyakinan bahawa NTIC akan memperkukuh minat kluster pelabur industri, menyepadukan nilai rantaian bekalan serta memupuk budaya inovasi dan teknologi maju.


REKA bentuk dalaman yang moden.

# 'Perlu berani buat silap' rahsia sentuhan ‘Doktor Gitar’



**ABANG Din memetik gitar kesayangan yang juga hasil buatan tangan sendiri.**

**LEGASI** darah seni yang mengalir dalam figura bergelar ‘Doktor Gitar’ atau nama sebenar, **ISHAMUDIN AHMAD NAINA MERICAN**, 51, digunakan sepenuhnya dalam mencapai kerjaya diri di samping minat mendalam terhadap alat muzik bertali tersebut.

Atas bakat seni dan mengenali gitar, Ishamudin atau lebih senang disapa sebagai ‘Abang Din’ membuka sebuah premis membaiki gitar dikenali *Jammers Jamm Studio and Guitar Workshop*, dekat Sungai Dua berhadapan pintu utama Universiti Sains Malaysia (USM).

“Kali pertama petik dan minat gitar pada usia 15 tahun, minat dalam seni muzik itu mungkin daripada arwah datuk yang juga seorang pemain biola dan pernah menganggotai kugiran di bawah Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

“Arwah bapa juga seorang artis boria, jadi gabung semua sekali, terdedah sejak kecil lagi dalam seni muzik walaupun pada mulanya hanya sekadar suka-suka.

“Pada peringkat awal memang ibu bapa pun tidak berapa setuju tetapi bukanlah tahap menentang, cuma tidak galakkan, memandangkan perkara ini bukan sesuatu yang salah, jadi saya teruskan,” ujar Abang Din ketika menerima kunjungan wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar **DARWINA MOHD. DAUD** di studio beliau pada 2 Oktober 2024.

Bakat seni Abang Din turut diterjemahkan melalui penubuhan kugiran yang diberi nama ‘Dayana’.

Buletin Mutiara difahamkan, anggota kumpulan Dayana adalah antara pelopor kepada penubuhan kumpulan Data yang popular dengan lagu Permaisuri.

Namun nasib tidak menyebelahi Abang Din kerana ketika uji bakat diadakan ketika itu, beliau kurang seminggu untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selepas menamatkan zaman persekolahan, Abang Din memulakan kerjaya sebagai penjual burger lebih 10 tahun sebelum menukar kerjaya menjadi mekanik kereta.

“Saya tidak teruskan berniaga burger sebab susah nak dapat jodoh, mana ada anak dara mahu lelaki yang jual burger dahulu.

“Jadi saya nekad mahu cari perempuan kaya pula selepas kerja sebagai mekanik, sebab perempuan mana tahu baiki kereta,” seloroh beliau dengan perwatakan bersahaja.

Setelah 18 tahun berlalu (2006), dengan berbekalkan modal yang ada, Abang Din merealisasikan *Jammers Jamm Studio and Guitar Workshop*, kedai baiki gitar pertama di kawasan utara Semenanjung negara di Sungai Gelugor, ketika itu.

“Saya nampak peluang ini sebab gitar pun macam kereta, sampai masa kena servis, ada bahagian perlu diganti agar bunyi sedap dan pemainnya selesa.

“Tambahan dalam gitar ada bahagian elektronik yang perlu dijaga, sebelum (gitar) rosak kita perlu tukar alatan atau bahagian-bahagian tertentu.

“Antara guru yang pernah saya tuntut ilmu (mengenai gitar) adalah Allahyarham Din kumpulan *Crosstown*, itu pun cuma 30 peratus sebelum beliau meninggal dunia, selebihnya terpaksa belajar daripada internet tetapi masa itu internet pun terhad,” cerita bapa kepada dua cahaya mata itu lagi.

Secara peribadi, Abang Din menyimpan tujuh koleksi gitar.

Apa yang lebih menarik, salah satu gitar tersebut adalah sebuah gitar hitam kesayangan buatan tangannya sendiri.

“Saya tidak simpan gitar yang mahal sangat, bila tak mahal saya boleh cari lebih banyak, harga gitar ada yang boleh cecah puluhan ribu, tetapi koleksi saya biasa-biasa sahaja.



**ANTARA koleksi gitar Abang Din.**

“Bermodalkan kira-kira RM1,500 saya mampu buat sebuah gitar mengikut cita rasa saya dan ini adalah gitar yang paling saya sayang,” kata anak kelahiran Sungai Nibong itu lagi.

Secara sampingan, Abang Din turut menyediakan studio latihan serta bilik untuk kegunaan guru yang membuka kelas gitar.

Ditanya mengenai resipi kejayaan untuk terus kekal dalam industri muzik dan pembaikan gitar, Abang Din berpegang kepada satu ayat pembakar semangat yang ditanam adalah, ‘kalau tak jahanam, tak akan pandai’.

“Kita juga perlu sanggup buat silap, kalau dua-dua ini sanggup, insyaAllah kita akan berjaya, sama juga dalam perniagaan lain yang kita ceburi.

“Mesti berani buat silap dan sanggup buat silap untuk berjaya, jangan kedekut ilmu, saya pun gunakan medium media sosial untuk kongsi ilmu dengan orang ramai.

“Selain itu kita mesti buat kerja sehingga pelanggan berpuas hati, apabila orang hantar gitar, kita anggap ia milik kita sendiri, ada jiwa untuk baiki agar pelanggan puas hati, gitar pun dengar bunyi sedap,” katanya yang turut berbakat bermain papan nada atau lebih dikenali sebagai *keyboard*.



**SALAH seorang pelanggan mendapatkan sentuhan Abang Din untuk membaiki gitarnya.**

# Jawi House hipnosis pengunjung tentang budaya Jawi Peranakan

**MENGEMBARA** ke Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah tidak lengkap jika tidak menelusuri Lebuh Armenian.

Di sepanjang lorong sempit tersebut bukan sahaja terdapat deretan rumah kedai lama yang menyimpan seribu satu kisah termasuk semasa sejarah awal penempatan Melayu, malah juga kedatangan para pedagang berbangsa Armenia seawal tahun 1808.

Malah, di sini juga terdapat *Jawi House Café Gallery* (Jawi House), iaitu sebuah restoran dan galeri Jawi Peranakan yang menyajikan pelbagai makanan asli lokal.

Berbaloi kalau singgah ke restoran dan galeri tersebut yang didekorasi dengan pelbagai aksesori budaya, warisan dan sejarah awal Jawi Peranakan di sini.

Chef **NURILKARIM RAZHA**, 35, memberitahu bahawa asalnya Jawi House merupakan sebuah galeri pelbagai aksesori langka berkaitan Jawi Peranakan untuk para pengunjung datang dan membeli barang-barang antik tersebut.

"Asalnya Jawi House ditubuhkan oleh ibu saya, Prof. Datuk Dr. Wazir Jahan Karim pada tahun 2013 dengan hasrat yang begitu besar iaitu mahu memperkenalkan nilai warisan ketara dan tak ketara Jawi Peranakan kepada para pengunjung, sesuai dengan kedudukan Jawi House ini dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Semasa itu, ibu saya sedang menjalankan penyelidikan mengenai Jawi Peranakan dan beliau mahu tempat ini (Jawi House) menjadi tempat untuk para pelajarnya datang serta belajar tentang sejarah, latar belakang budaya (Jawi Peranakan) sambil meneroka karya-karya yang diterbitkannya di sini.

"Ruang terhad di sini menempatkan mengenai sejarah dan gaya hidup Melayu Tanjong sebelum era penjajahan British termasuk lukisan, imej serta buku.

"Istimewanya, Jawi Cafe sejak pada awal penubuhannya, terdapat beberapa menu ringkas serta istimewa untuk pengunjung… sambil melihat dan mungkin membeli lukisan serta buku terpilih, mereka boleh juga merasai menu ringkas di kafe ini seperti roti 'sorai', cucur udang dan beberapa hidangan lain asli Jawi Peranakan," jelasnya kepada wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** pada 5 Oktober 2024.


PREMIS *Jawi House Café Gallery.*

Hari demi hari, populariti kafe kian mendapat tempat di hati para pengunjung dan seterusnya mendorong Jawi House mempelbagai lagi resipi mengikut cita rasa pelanggan, berdasarkan buku masakan Wazir Jahan iaitu *'Feasts of Penang'*," ujarnya.

Tidak lama selepas itu, Chef Nurilkarim menyatakan bahawa pihaknya mengubah sedikit teras Jawi House dari sebuah galeri menjadi restoran yang menyajikan pelbagai sajian asli Jawi Peranakan seperti briyani, nasi dalca dan beberapa menu istimewa lain seperti dalam buku resipi ibu.

"Memandangkan kulinari kafe sebagai tumpuan utama di Jawi House, galeri pameran di sini ditamatkan secara berperingkat, bagi menyediakan pelbagai lagi menu mengikut cita rasa pelanggan.

"Jawi House tetap ada keunikan tersendiri pada menu utamanya yang menggabungkan selera asli Melayu, Punjabi dan Pakistan," ulasnya lanjut.

Menurut Chef Nurilkarim, keunikan resipi berkaitan mungkin kerana kemajmukan budaya ibu yang berketurunan Punjabi-Pakistan, maka campuran dalam masakan yang dihidangkan itu cuba diharmonikan dengan rempah serta herba tempatan.




KEPELBAGAIAN barangan antik yang dipamerkan.


SUSUN atur kafe dengan perabot antik.


NURILKARIM Razha menunjukkan beberapa buku hasil penulisan ibunya.

"Resipi masakan Jawi House kini menawarkan lebih 60 hidangan istimewa termasuk pencuci mulut… ada juga makanan berasaskan sayur-sayuran sahaja kerana permintaan daripada pelancong antarabangsa.

"Bagi makanan asli Jawi Peranakan, rempah seperti jintan manis, ketumbar, cili, lada dan kunyit mesti ada dalam masakan bagi meningkatkan aroma sajian.

"Menu popular di Jawi House antaranya Nasi Lemuni, daging masak hitam, ayam rose, briyani kambing, kuih serabai, laksa dan cucur udang.

"Jawi House yang diasaskan oleh ibu saya, kini diusahakan oleh saya sendiri, saya percaya telah menjadi antara tempat terpilih buat pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa yang memburu makanan cita rasa warisan asli Jawi Peranakan Pulau Pinang," katanya.

Jawi House beroperasi setiap hari kecuali Selasa, bermula 11 pagi hingga 9.30 malam.

Sambil menjamu selera, tanpa sedar, sekalian pengunjung turut akan disajikan dengan pengetahuan berkaitan kekayaan budaya termasuk budaya makanan warisan asli Jawi Peranakan Pulau Pinang.

# Baik pulih cerun di Lorong Bukit Kukus siap


ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) ketika meninjau kawasan cerun di hadapan *Grand View Heights* baru-baru ini.

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PAYA TERUBONG –** Kerja-kerja baik pulih cerun di Lot 9444 berhampiran *Grand View Heights*, Lorong Bukit Kukus dengan kos RM6.8 juta kini siap sepenuhnya.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah meluluskan peruntukan Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan runtuhan cerun di Lorong Bukit Kukus secara berkala setelah menerima aduan daripada penduduk pada 26 Oktober 2020.

"Setelah kajian dilakukan, kerja-kerja tapak dimulakan pada Mei 2023 dan siap pada Oktober 2024, sebulan lebih awal.

"Antara skop kerja yang dilakukan termasuk *rock bolting*, *soil nailing*, pemasangan *rockfall flexible barriers*, *rockfall netting*, baik pulih sistem perparitan dan penurapan jalan serta pemasangan lampu di jajaran sepanjang 500 meter," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi di sini 5 Oktober lalu.

Turut hadir, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sr. Cheong Chee Hong dan Jurutera Kanan Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. Mohd. Hanafi Mohd. Yaacob.

Mengulas lanjut, Zairil memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga telah mengambil beberapa langkah bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan orang awam, harta awam serta persekitaran di kawasan terbabit.

"Antaranya, dengan mewujudkan *Penang Safety Guideline for Hill Site Development*, mewujudkan Garis Panduan Keselamatan Aktiviti Pertanian di Kawasan Berbukit Pulau Pinang 2021 dan mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memantau kawasan cerun-cerun bukit dari semasa ke semasa.

"Selain itu, tindakan sewajarnya juga telah diambil berdasarkan Akta atau Enakmen yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri bagi kesalahan-kesalahan dilakukan oleh pemilik tanah di kawasan cerun-cerun bukit yang tidak mendapat kelulusan.

"Langkah ini adalah untuk memastikan semua cadangan pembangunan di kawasan cerun-cerun bukit tidak melebihi ketinggian 76 meter (m) dari paras laut dan *footprint* bangunan perlu berada di atas cerun Kelas 1 dan Kelas 2 sahaja sebagaimana tercatat di dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2030," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga.

Sementara itu, Mohd. Hanafi memberitahu bahawa MBPP akan menjalankan penyelenggaraan berkala di kawasan tersebut dalam memastikan pokok-pokok di kawasan pemasangan pagar tidak merosakkan hadangan yang dibina.

"Ini adalah demi memastikan pemasangan pagar berfungsi dengan baik sekiranya berlaku runtuhan batu serta mengurangkan kesan negatif," katanya.


PAGAR penahan yang dipasang di sebahagian Lorong Bukit Kukus sebagai langkah mitigasi.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
